
Edisi 1 | Isu 1
Volume 1 | Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SEMBILAN
SHAMIN SURAYA BINTI NIK MANSOR /wn MOHAMAD FAHMI BIN HUSSIN
(NO. KES: 05200-016-0424-2020)

YA Dr Ruzita Ramli
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Shamin Suraya binti Nik Mansor /wn Mohamad Fahmi bin Hussin (No. Kes: 05200-016-0424-2020) (2025) MTS 15 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/11>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SEMBILAN

SHAMIN SURAYA BINTI NIK MANSOR

lwn

MOHAMAD FAHMI BIN HUSSIN

NO. KES: 05200-016-0424-2020

¹YA Dr Ruzita Ramli

¹Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan

Sinopsis

Alasan penghakiman ini melibatkan tuntutan mut'ah. Permasalahan utama ialah: (i) sama ada Plaintiff berhak menerima mut'ah; dan (ii) sama ada jumlah RM101,000.00 yang dituntut munasabah. Kerangka undang-undang bertunjangan Seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (hak mut'ah jika diceraikan tanpa sebab yang patut). Defendan berhujah tuntutan ini ditolak disebabkan Plaintiff telah menggugurkan haknya melalui persetujuan lisan dan mendakwa Plaintiff nusyuz. Metodologi Mahkamah berasaskan penilaian keterangan dan dokumen, konsistensi saksi, serta penerapan ijtihad hakim berpandukan nas al-Quran dan kaedah fiqh serta kes terdahulu bagi menentukan punca perceraian dan kelayakan mut'ah. Dakwaan bahawa Plaintiff menggugurkan hak mut'ah ditolak berasaskan prinsip tatacara persetujuan di bawah seksyen 99, 94 dan 131 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (ETMMS 2003), serta diperkukuh melalui Arahan Amalan No. 6/2008 dan No. 9/2015 kerana tiada persetujuan direkod/ diendors sebagai perintah; dakwaan nusyuz turut ditolak kerana tiada sabitan penghakiman bersandarkan seksyen 121 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (EUUKINS 2003). Dalam menentukan kadar, Mahkamah mempertimbangkan lapan faktor di bawah Seksyen 58(2) EUUKINS (Pindaan) 2019, termasuk keperluan pascacerai, kemampuan suami pada tarikh perceraian, tempoh perkahwinan (10 tahun), serta pengorbanan Plaintiff. Mengambil kira pendapatan Defendan sekitar RM7,996.52 ketika perceraian dan penilaian berwajaran terhadap faktor-faktor tersebut, Mahkamah memerintahkan mut'ah RM21,978.00, dibayar secara berjadual. Kos ditanggung sendiri oleh pihak-pihak.

Pengenalan

[1] Ini adalah kes tuntutan Mut'ah yang difailkan oleh Plaintiff terhadap Defendan. *"Tatkala ikatan pernikahan terlerai, bukan sekadar air mata yang mengalir, tetapi juga hak yang harus dipenuhi. Dalam hembusan reda dan keadilan, mut'ah menjadi penghibur hati, sebagai tanda kasih yang pernah dikongsi dan penghormatan pada maruah yang tak ternilai."*

Latar Belakang Fakta

- [2] Plaintiff, Shamin Suraya tinggal di Nilai Negeri Sembilan Darul Khusus adalah bekas isteri kepada Defendan.
- [3] Defendan, Mohamad Fahmi tinggal di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan adalah bekas suami kepada Plaintiff.

- [4] Plaintiff dan Defendan telah bernikah pada 28/6/2008 di Nilai, Negeri Sembilan dan telah bercerai pada 20/2/2018 dengan talaq satu.
- [5] Hasil daripada perkahwinan tersebut, Plaintiff dan Defendan telah dikurniakan tiga (3) orang cahaya mata iaitu (selepas ini dirujuk sebagai “anak-anak tersebut”):
- i. MASBMF : 11 tahun (kini 16 tahun)
 - ii. NAQBMF : 8 tahun (kini 13 tahun)
 - iii. MISBMF : 5 tahun (kini 10 tahun)
- [6] Semasa perceraian pihak-pihak, tiada sebarang perintah berkenaan mut’ah diputuskan oleh mana-mana mahkamah syariah di Malaysia dan Defendan juga tidak pernah memberikan wang sebagai suguhati/mut’ah selepas perceraian yang lalu.
- [7] Plaintiff juga sepanjang tempoh perkahwinan bersama Defendan tidak pernah disabitkan nusyuz oleh mana-mana mahkamah syariah di Malaysia.
- [8] Plaintiff dalam Penyata Tuntutan pindaannya menuntut seperti berikut:
- i. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan peruntukan Seksyen 58 EUUKINS 2003;
 - ii. Mahkamah memerintahkan Defendan untuk membayar kepada Plaintiff tuntutan mut’ah sebanyak RM101,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Satu Ribu Sahaja) secara tunai;
 - iii. Menolak keseluruhan pembelaan Defendan tersebut;
 - iv. Bayaran mut’ah tersebut hendaklah dibuat ke akaun Maybank Plaintiff Shamin Suraya Binti Nik Mansor (No. Akaun: xxxxxxxx);
 - v. Kos tindakan dan kepeguaman ditanggung oleh Defendan;
 - vi. Lain-lain relif dan perintah yang difikirkan patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.
- [9] Defendan dalam pembelaannya tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff kerana Plaintiff tidak berkelayakan menuntut tuntutan mut’ah di mahkamah ini dan jumlah mut’ah yang dituntut tidak sepadan dengan sifat dan keadaan Plaintiff dalam tempoh perkahwinan.
- [10] Sepanjang perbicaraan Plaintiff telah mengemukakan seorang saksi dan mengemukakan ikatan dokumen yang ditandakan sebagai P1-P6 untuk menyokong kesnya. Sementara Defendan pula tiada mengemukakan saksi dan dokumen yang dikemukakan bertanda D-1 sehingga D-33 bagi menyokong kes Defendan.

Diputuskan

- [11] Mahkamah meluluskan tuntutan mut’ah Plaintiff berdasarkan seksyen 58 EUUKINS 2003;
- [12] Mahkamah memerintahkan Defendan membayar mut’ah kepada Plaintiff sebanyak RM 21,978.00;
- [13] Mahkamah dengan ini memerintahkan Defendan untuk membayar mut’ah kepada Plaintiff secara ansuran teratur seperti berikut:
- i. Bayaran pertama sebanyak RM5,978.00 hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh perintah ini, iaitu sebelum atau selewat-lewatnya pada 23 September 2025.
 - ii. Baki mut’ah sebanyak RM16,000.00 hendaklah dibayar secara ansuran bulanan selama tiga puluh enam (36) bulan seperti berikut:
 - a. Ansuran bulan ke-1 hingga bulan ke-35: Sebanyak RM444.00 sebulan;
 - b. Ansuran bulan ke-36 (bulan terakhir): Sebanyak RM460.00.

- c. Ansuran pertama hendaklah bermula pada bulan Oktober 2025, dan diteruskan tanpa gagal pada setiap bulan berikutnya sehingga jumlah keseluruhan selesai dibayar sepenuhnya.

[14] Kesemua bayaran ansuran mut'ah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Plaintiff seperti berikut:

- i. Nama bank: Maybank
- ii. Nombor akaun: xxxxxxxxx

[15] Bayaran bulanan hendaklah dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada setiap 5 haribulan bagi bulan berkenaan, tanpa perlu diberi sebarang notis atau peringatan lanjut daripada pihak Plaintiff.

[16] Kegagalan mematuhi perintah ini boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil menurut bidang kuasa Mahkamah.

[17] Kos ditanggung oleh masing-masing pihak.

Rujukan

Al-Quran, Surah al-Baqarah 2: 241 dan 236

Kitab yang dirujuk

- Abdul Aziz al-Badawi. (2003). *al-Wajiz fi Fiqh al-Sunnah wa al-Kitab al-'Aziz* (edisi ke-3). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abi Bakr Uthman bin Muhammad Syata al-Dimyati Al-Bakri. (1995). *I'annah al-Talibin* (Juzuk 3, hlm. 596 & 702). Kaherah Mesir: Maktabah Al Taufikiah.
- Ahmad al-Qalyubi & Ahmad Umairah. (1956). *Hasyiah al-Qalyubi wa Umairah 'ala Syarh Minhaj al-Talibin* (Juzuk 3, hlm. 290–292). Mesir: Musthafa Bab Halabi wa Awladih.
- Al-Ramli, S. al-D. M. b. A. b. H. (2017). *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj* (6 vols.). Beirut: Dar al-Hadith.
- Al-San'ani, Muhammad Ibn Ismail. (1996). *Subul al-Salam Sharh Bulugh alMaram*, vol. 4. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zuhaili, M. A. (2007). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i* (Vol. 4, hlm. 128). Dar al-Qalam, Syria.
- Jalal al-Din al-Suyuti. (2005). *Jam' al-Jawami' (al-Jami' al-Kabir)* (Vol. 7, p. 146, Hadith No. 17993; Mukhtar Ibrahim al-Ha'ij, Abd al-Hamid Muhammad Nada, & Hasan Isa Abd al-Zahir, Eds.). Cairo: al-Azhar al-Sharif. (1426H).
- Mohd. Saleh Haji Ahmad. (2002). *Usul Fiqh Qawa'id Fiqhiyyah* Cetakan 3. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn.Bhd. hlm. 592.
- Shamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini. (1994). *al-Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj* (Juzuk 3, hlm. 249). Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad al-Hisni al-Dimasyqi al-Syafi'i. (t.t.). *Kifayah al-Akhyar fi Hall Ghayah al-Ikhtisar*. Juzuk 2, Dar Al-Khair.
- Wahbah al-Zuhayli. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar alFikr
- Zakariyya al-Ansari. (t.t.). *Fath al-Wahhab bi Syarh Manhaj al-Tullab* (Jilid 2, hlm. 60). Jeddah: al-Haramayn li al-Tib'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.

Undang-Undang yang dirujuk

- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). *Arahan Amalan No. 6 Tahun 2015*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). *Arahan Amalan No. 9 Tahun 2015*.
- Seksyen 58. *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003*.
- Seksyen 58 (2). *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) Pindaan 2019*
- Seksyen 94. *Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003*.
- Seksyen 99. *Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003*.
- Seksyen 131. *Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003*.

Kes-kes yang dirujuk

- Ahmad Shah lwn Norhayati* (2004). 18(1) JH 33.
- Faridah Sulaiman lwn Mohd Noh Othman* (2005). 19(1) JH 136.
- Ida Hidayati bt Taufiq lwn Ahmad Shukri bin Kassim* (2004). 18(2) JH 259.
- Norbee lwn Ahmad Sanusi* (1981). 1(2) JH 63.
- Nordhiah Jury lwn Ahmad Zulkiflee* (2018). 1 ShLR 42.
- Norizam bt. Mohd Lazim lwn Halim Azman Haji Sulaiman*. 10(1) (1995) JH.
- Sapiee bin Muda lwn Adnan Hawa binti Mohamad* (2015). 40(1) JH 125.
- Suraiya bt M. Shafie lwn Abd Shukor bin Mohd Hashim* (2009). 27(2) JH 331.
- Tuan Farizah binti Tuan Ludin lwn Mohd. Razuhan bin Abdul Razab* (2007). 24(2) JH 335.
- Zainon binti Doraman lwn Hj Abdul Rahman Mahmuda*. (2008) 26(1) JH 117.

Kes Tidak Dilaporkan

- Erna Halyanie binti Za'bar lwn Mohd Redza bin Mahmud* (2020), Kes Mal Mahkamah Tinggi Syariah Selangor No.: 10500-016-0029-2019.
- Mohd Nasran bin Omar lwn Hasliana bt Mohd Sani*, Kes Rayuan Mal Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu No.: 11000-016-0013-2012
- Nor Rosnita lwn Hasnul Ali*, Kes Mal Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan No.: 05200-016-0346-2014.
- Rosnah binti Othman lwn Fahmimahzan bin Mat Derus* (2025), Kes Mal Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan No.: 05200-016-0447-2020.
- Rusniza binti Zainal lwn Razim Shah bin Muhammad Amiruddin*, Kes Mal Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan No.: 05100-0572-2019.

Bab Dalam Buku

Tengku Muda, T. F. M., Mohd, A., & Md. Hashim, N. (2021). Hak isteri terhadap fasakh menghilangkan kemudharatan dalam perkahwinan. Dalam N. Daud, S. N. M. Syed Husin, & T. F. M. Tengku Muda (Eds.), *Fiqah kekeluargaan Islam isu terpilih* (ms. 42–45). Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Penghakiman YA Dr. Ruzita Ramli, HMTS

Isu-Isu yang Perlu Diputuskan

[18] Setelah Mahkamah meneliti tuntutan dan keterangan Plaintiff dan Defendan, dokumen-dokumen dan hujahan pihak-pihak, Mahkamah berpendapat terdapat dua isu utama yang berbangkit dan perlu diputuskan oleh Mahkamah dalam kes ini, iaitu:

- i. Isu Pertama: **Sama ada Plaintiff berhak untuk menerima mut'ah atau sebaliknya;**
- ii. Isu Kedua: **Sama ada kadar mut'ah sebanyak RM101,000.00 yang dituntut oleh Plaintiff merupakan suatu jumlah yang munasabah.**

Analisis dan Dapatan

Isu Pertama: Sama ada Plaintiff Berhak Untuk Menerima Mut'ah Atau Sebaliknya

Keterangan dan hujahan Plaintiff dan Defendan

[19] Dalam prosiding kes ini, Plaintiff menuntut bayaran mut'ah atas perceraian oleh Defendan tanpa sebab yang patut. Menurut keterangan Plaintiff, beliau telah menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri dengan baik, tidak pernah disabitkan nusyuz.

[20] Sebaliknya, Defendan dalam pernyataan pembelaannya membangkitkan dua isu utama bagi menolak tuntutan tersebut. Pertama, Defendan mendakwa bahawa Plaintiff telah menggugurkan hak untuk menuntut mut'ah pada dua peringkat, iaitu kali pertama ketika permohonan perceraian pada Januari 2018 dan kali kedua dalam satu perbincangan di Starbucks Mesamall Nilai pada Februari 2018. Kedua, Defendan turut menuduh bahawa Plaintiff telah melakukan perbuatan yang menunjukkan beliau nusyuz, termasuk keluar rumah tanpa izin dan memukul Defendan.

Ulasan Mahkamah Terhadap Persoalan Pertama: Sama ada Plaintiff Berhak Untuk Menerima Mut'ah Atau Sebaliknya

Isu Pengguguran Hak Mut'ah

[21] Mahkamah meneliti secara mendalam isu berkaitan dakwaan Defendan bahawa Plaintiff telah menggugurkan hak untuk menuntut mut'ah. Berdasarkan rekod prosiding dan keterangan lisan di Mahkamah, Mahkamah mendapati tiada sebarang perintah yang direkodkan di hadapan mana-mana hakim sebelum ini berkenaan persetujuan Plaintiff untuk menggugurkan tuntutan mut'ah.

[22] Defendan juga gagal mengemukakan sebarang dokumen bertulis atau rakaman yang boleh menyokong dakwaannya bahawa terdapat persetujuan sedemikian. Malahan, semasa sesi soal balas, Defendan sendiri mengakui bahawa tiada perintah yang direkodkan berhubung perkara itu. Tambahan pula, semasa sesi soal semula, Defendan tidak lagi menyentuh isu ini, sekali gus memperkukuhkan pandangan bahawa dakwaan tersebut tidak dapat disokong secara sah. Keterangan pihak ketiga iaitu saksi Defendan turut mengesahkan bahawa tiada sebarang dokumen yang boleh menguatkan dakwaan Defendan.

[23] Dari sudut perundangan, Mahkamah menekankan bahawa sesuatu persetujuan atau pengguguran hak hanya boleh memberi kesan perundangan setelah direkodkan di hadapan hakim dan diendorseskan sebagai perintah Mahkamah. Hal ini selaras dengan peruntukan seksyen 99, 94 dan 131 ETMMS

2003 yang memperincikan mekanisme penyelesaian melalui persetujuan pihak-pihak. Seksyen 99 memberikan ruang kepada pihak-pihak untuk mencapai sulh pada mana-mana peringkat prosiding; seksyen 94 memperuntukkan bahawa penyelesaian melalui persetujuan perlu direkodkan agar mempunyai kesan *res judicata*; manakala seksyen 131 memberi kuasa kepada Mahkamah untuk mengeluarkan penghakiman berdasarkan persetujuan atau pengakuan pihak-pihak. Prinsip ini turut diperkukuhkan melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 2008 dan Arahan Amalan No. 9 Tahun 2015 yang menetapkan keperluan kehadiran pihak-pihak di hadapan hakim untuk mengendorskan dan merekodkan perjanjian mereka, agar ia berkuat kuasa dan boleh dikuatkuasakan secara sah.

- [24] Justeru, Mahkamah berpendapat bahawa tiada asas undang-undang atau fakta yang kukuh untuk menyimpulkan bahawa Plaintiff telah menggugurkan haknya untuk menuntut mut'ah. Oleh yang demikian, pada hemat mahkamah tuntutan beliau adalah sah untuk dipertimbangkan selagi mana tiada perintah terdahulu yang menyekat hak tersebut.

Isu Nusyuz

- [25] Mahkamah meneliti dakwaan Defendan bahawa Plaintiff adalah seorang isteri yang nusyuz. Walau bagaimanapun, setelah diteliti keterangan yang dikemukakan, Mahkamah sependapat dengan hujahan Plaintiff bahawa tiada sebarang perintah terdahulu yang menyabitkan beliau sebagai nusyuz. Berdasarkan peruntukan seksyen 121 EUUKINS 2003, status nusyuz hanya boleh diiktiraf setelah Mahkamah membuat dapatan melalui proses perbicaraan yang sah, disokong keterangan yang mencukupi dan disabitkan secara rasmi. Tanpa sabitan sedemikian, dakwaan Defendan tidak mempunyai asas perundangan untuk diterima.

- [26] Dari perspektif undang-undang, prinsip beban pembuktian menetapkan bahawa sesuatu tuduhan perlu disokong dengan keterangan yang sah dan meyakinkan. Persepsi Defendan semata-mata tidak boleh dijadikan alasan untuk menafikan hak Plaintiff terhadap mut'ah. Tiada sebarang rekod atau perintah yang menunjukkan Plaintiff pernah disabitkan nusyuz, maka dakwaan Defendan adalah tidak berasas. Hal ini selaras dengan hadis Rasulullah SAW:

Terjemahan: Bukti terletak pada pihak yang mendakwa, sementara sumpah terletak pada pihak yang menafikan.

(al-San'ani, 1996)

- [27] Menurut Wahbah al-Zuhayli (1985), prinsip beban pembuktian dalam sistem perundangan Islam menetapkan bahawa dalam sesuatu pertikaian di mahkamah, pihak yang mendakwa (*al-muddai'ī*) bertanggungjawab mengemukakan bukti (*al-bayyinah*), manakala pihak yang dituduh (*al-mudda'ā 'alaihi*) diberikan hak mempertahankan dirinya dengan sumpah sekiranya tiada bukti dikemukakan.

- [28] Tengku Fatimah Muliana *et al.* (2021) menegaskan bahawa pendekatan ini bertujuan memastikan keadilan dalam proses kehakiman dan mencegah sebarang penyalahgunaan tuntutan tanpa asas yang kukuh serta memenuhi objektif syarak (*Maqasid al-Shari'ah*) iaitu memelihara agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan.

- [29] Prinsip ini selaras dengan sebuah hadis Nabi SAW sepertimana berikut:

Terjemahan: Jika setiap orang diberikan keputusan hanya berdasarkan dakwaannya, pasti orang akan menuntut harta dan darah orang lain. Sebaliknya, setiap dakwaan harus disertai dengan bukti, dan yang menafikan perlu bersumpah.

(Jalal al-Din al-Suyuti, 2005, 7:146, nombor hadith: 17993)

Hadis ini memperkukuhkan kedudukan undang-undang bahawa setiap tuduhan mesti dibuktikan oleh pihak yang mendakwa, bukan sebaliknya.

- [30] Prinsip ini juga berakar daripada kaedah fiqh utama iaitu “*al-aslu bara’atu zimmah*” (asalnya seseorang itu bebas daripada tanggungan sehinggalah dibuktikan sebaliknya) dan “*al-yaqin la yazulu bi al-syak*” (keyakinan tidak dihilangkan dengan keraguan). Dalam pertikaian undang-undang, status asal sesuatu pihak kekal sehingga wujud bukti kukuh yang membuktikan sebaliknya. Menurut Mohd. Saleh (2002, ms. 592), kaedah “*al-’umur bi al-’aridhah al-’adam*” menegaskan bahawa sesuatu keadaan yang telah ditetapkan secara zahir tidak boleh dianggap berubah tanpa bukti yang meyakinkan. Oleh itu, dakwaan Defendan bahawa Plaintiff telah nusyuz kekal tertolak kerana tiada keterangan yang dapat mengubah status asal Plaintiff sebagai isteri yang berhak kepada mut’ah.
- [31] Dalam kes ini, Mahkamah mengambil maklum bahawa Defendan telah menceraikan Plaintiff dengan satu (1) talaq melalui prosiding perceraian di bawah Seksyen 47 EUUKINS 2003. Seksyen ini memperuntukkan bahawa perceraian hendaklah dilakukan secara teratur melalui permohonan kepada Mahkamah dan lafaz talaq hanya sah apabila dilafazkan di hadapan Mahkamah dengan kebenaran. Walaupun permohonan asal difailkan oleh Plaintiff, lafaz talaq yang sah tetap dibuat oleh Defendan, dan perceraian tersebut berlaku atas keputusan Defendan sendiri.
- [32] Mahkamah menegaskan bahawa perceraian seperti ini iaitu talaq biasa oleh suami mengikut Seksyen 47 adalah termasuk dalam kategori perceraian yang tidak menggugurkan hak mut’ah.
- [33] Oleh itu, meskipun permohonan asal perceraian difailkan oleh Plaintiff, tindakan menceraikan tetap dilakukan oleh Defendan secara sedar dan sukarela di hadapan Mahkamah. Maka, perceraian ini tetap dikategorikan sebagai perceraian yang memberi hak kepada Plaintiff untuk menuntut mut’ah, kerana ia tidak tergolong dalam mana-mana kategori perceraian yang menggugurkan hak tersebut seperti fasakh atas aib suami atau perbuatan nusyuz yang dibuktikan secara sah.
- [34] Penegasan ini adalah konsisten dengan beberapa keputusan Mahkamah Syariah terdahulu. Dalam kes Rayuan No. 10000-016-0100-2015, panel rayuan yang dipengerusikan oleh YAA Tan Sri Dato’ Setia Dr. Ibrahim bin Lembut telah memperakui prinsip-prinsip mutaah sebagaimana digariskan dalam kes-kes terdahulu termasuk *Sapiee bin Muda lwn Adnan Hawa binti Mohamad* (2015) JH 40(1) 125, *Tuan Farizah binti Tuan Ludin lwn Mohd. Razuhan bin Abdul Razab* (2007), dan *Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani lwn Norhayati binti Yusuf* (2004).
- [35] Dalam kes *Sapiee lwn Adnan Hawa* (2015), Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu telah menghuraikan dengan terperinci kategori perceraian yang menentukan sama ada mut’ah wajib dibayar atau tidak:
- i. Perceraian melalui kematian – tiada kewajipan membayar mut’ah;
 - ii. Perceraian berpunca dari suami – mut’ah wajib dibayar;
 - iii. Perceraian berpunca dari isteri – suami tidak wajib membayar mut’ah;
 - iv. Perceraian berpunca dari kedua-dua pihak – bergantung kepada dominasi punca;
 - v. Perceraian akibat pihak ketiga – hak mut’ah bergantung kepada situasi, seperti kadar ½ mahar mithil jika belum ditetapkan mahar.
- [36] Kes ini dirujuk kerana memberikan kerangka praktikal bagi Mahkamah dalam menilai punca perceraian dan implikasinya terhadap hak mut’ah. Ia juga menegaskan bahawa bukan setiap perceraian secara automatik mewajibkan mut’ah, sebaliknya perlu dianalisis puncanya terlebih dahulu.
- [37] Dalam kes *Ahmad Shah lwn Norhayati* (2004), Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan menjelaskan bahawa maksud “suami menceraikan isterinya” termasuk perceraian biasa walaupun difailkan oleh isteri, asalkan lafaz talaq dibuat oleh suami. Manakala kelayakan mutaah boleh gugur hanya dalam keadaan tertentu seperti permohonan fasakh oleh isteri atas aib suami (contohnya gila, mati pucuk, atau kemiskinan melampau). Sebaliknya, jika fasakh dimohon oleh suami atas aib isteri (contohnya *ratqun* atau *qarnun*), maka ia masih tertakluk kepada penilaian khusus Mahkamah mengenai kelayakan membayar mut’ah.

- [38] Prinsip yang sama turut diperkukuh dalam kes *Tuan Farizah lwn Mohd. Razuhan* (2007), Mahkamah menegaskan bahawa punca perceraian perlu dianalisis secara menyeluruh untuk menentukan sama ada mut'ah wajar diperintahkan atau tidak.
- [39] Analisis terhadap punca perceraian inilah yang menjadi asas kepada frasa “tanpa sebab yang patut” sebagaimana diperuntukan dalam seksyen 58 EUUKINS 2003:

58. Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah dicerai tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian sugu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah dicerai tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami supaya membayar sejumlah wang yang adil dan patut mengikut Hukum Syarak.

- [40] Kesemua prinsip ini adalah bersandarkan kepada asas Hukum Syarak yang jelas seperti dalam Surah al-Baqarah ayat 241 dan 236:

Terjemahan: Dan bagi perempuan-perempuan yang dicerai, hendaklah diberi mut'ah menurut cara yang patut, sebagai satu kewajipan ke atas orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Baqarah, 2:241)

Terjemahan: ...sebagai satu kewajipan ke atas orang-orang yang berbuat kebaikan (*muhsinin*).

(Surah al-Baqarah, 2:236)

- [41] Pandangan ulama seperti Imam al-Ramli (2017) menegaskan bahawa mut'ah tetap wajib sekalipun perceraian berlaku melalui *talaq bain*, *talaq raj'ie*, *tafwid talaq* mahupun *takliq*, selagi mana perceraian berpunca dari suami atau melalui kuasa suami yang diberikan kepada isteri:

وكذا تجب المتعة لمطوأة طلقت طلاقاً بائناً مطلقاً أو رجعياً سواء أ فوض طلاقها إليها فطلقت أم علقها بفعلها ففعلت

Terjemahan: Demikianlah, Mut'ah wajib diberikan kepada isteri yang telah disetubuhi apabila berlaku perceraian, sama ada melalui *talak bain* atau *talak raj'i*, termasuk dalam keadaan kuasa talak diserahkan kepadanya atau talak digantungkan dengan suatu perbuatan yang kemudiannya dilakukan.

- [42] Al-Zuhaili (2007) turut membahas kewajipan mut'ah selepas perceraian, menyebut bahawa ia wajib kerana apa yang menimpanya dari perceraian dan untuk menutup aib, memelihara maruah, menenangkan hati isteri akibat perceraian. Menurut beliau:

وتجب المتعة جبراً لما لحقها من الطلاق ولتطيب قلبها عند الفراق بيت الزوجية، والتخفيف من الاستيحاش بسبب ما تشعره من مفارقة زوجها، ولكسر حدة الألم والكراهية التي تنتج غالباً عن هذا الفراق

Terjemahan: Mut'ah diwajibkan sebagai suatu bentuk suguhati atas implikasi perceraian yang ditanggung oleh isteri, di samping bertujuan menenangkan perasaannya ketika berpisah dari kehidupan rumah tangga, mengurangkan rasa keterasingan akibat perpisahan dengan suami, serta meredakan kesakitan emosi dan rasa tidak senang yang kebiasaannya timbul daripada perpisahan tersebut.

(Al-Zuhaili, 2007, 4:128)

- [43] Justeru, Mahkamah berpuas hati bahawa berdasarkan prinsip undang-undang, kes-kes terdahulu, nas al-Quran dan pandangan fuqaha, dakwaan Defendan bahawa Plaintiff nusyuz adalah tidak berasas. Bukan sahaja tiada sabitan nusyuz, bahkan perceraian ini berlaku melalui lafaz talaq biasa oleh Defendan, yang menurut undang-undang dan syarak tidak menggugurkan hak Plaintiff untuk menuntut mut'ah.
- [44] Oleh yang demikian, Mahkamah dengan ini memutuskan bahawa Plaintiff adalah berhak untuk menerima mut'ah daripada Defendan.
- [45] Selanjutnya Mahkamah beralih kepada isu kedua, iaitu berkenaan kewajaran kadar mut'ah yang dituntut oleh Plaintiff. Penilaian Mahkamah terhadap kadar ini dilakukan bersandarkan undang-undang dan hukum syarak.

Isu Kedua: Sama ada Kadar Mut'ah Sebanyak RM101,000.00 yang Dituntut oleh Plaintiff Merupakan Suatu Jumlah yang Munasabah?

Asas penetapan kadar mut'ah berdasarkan undang-undang

- [46] Dalam menentukan kadar mut'ah yang wajar, Mahkamah merujuk kepada Seksyen 58(2) EUUKINS (Pindaan) 2019, yang memperuntukkan panduan seperti berikut:

(2) Dalam menjalankan kuasa di bawah subsekyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil kira, antara lain, perkara yang berikut:

- (a) keperluan isteri yang diceraikan untuk memulakan kehidupan baharu;
- (b) taraf hidup dan kedudukan kewangan suami pada masa perceraian;
- (c) kesulitan kewangan yang bakal dihadapi oleh isteri yang diceraikan;
- (d) tempoh perkahwinan pihak-pihak; dan
- (e) pengorbanan yang telah diberikan oleh isteri yang diceraikan sepanjang tempoh perkahwinan pihak-pihak

Asas penetapan kadar mut'ah berdasarkan hukum syarak

- [47] Daripada perspektif hukum syarak, Mahkamah merujuk kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 236:

Terjemahan: ...hendaklah kamu memberi mut'ah (saguhati) kepada mereka (yang diceraikan) iaitu suami yang senang (hendaklah memberi saguhati) menurut ukuran kemampuannya dan suami yang susah menurut kemampuannya.

(Surah al-Baqarah, 2:236)

- [48] Ayat ini memberi garis panduan asas bahawa pemberian mut'ah hendaklah berpandukan kepada kemampuan suami, bukan jumlah tetap yang seragam bagi setiap kes. Hal ini sejajar dengan prinsip keadilan dan ihsan dalam urusan pembubaran perkahwinan.

Pandangan Fuqaha tentang Kaedah Penentuan Kadar Mut'ah

- [49] Abi Bakr Uthman (1995) menyatakan:

وأما قدر المتعة الواجبة فإن تراضيا على شيء معين فهو قدرها

Terjemahan: Adapun kadar mut'ah yang wajib jika kedua-dua belah bersetuju dengan sesuatu yang tertentu maka itulah kadar mut'ahnya.

(Abi Bakr Uthman, 1995, 3:596)

[50] Namun, jika tiada persetujuan antara pihak-pihak, penentuan terletak kepada budi bicara hakim. Hal ini dinyatakan dalam kitab yang sama oleh Abi Bakr Uthman (1995):

فإن لم يتراضيا قدرها الحاكم باجتهاده، ويراعى في تقديرها حال الزوجين وقت الطلاق

Terjemahan: Jika tiada persetujuan, maka ditentukan oleh hakim dengan ijtihadnya dan kaedah penentuan dengan mengambil kira akan kedudukan kedua-duanya waktu mereka bercerai.

(Abi Bakr Uthman, 1995, 3:705)

[51] Shamsuddin Muhammad (1994) pula menyatakan:

وإن اختلفا في قدر المتعة قدرها القاضي باجتهاده بعد النظر في حالهما، من يسر الزوج أو
إعساره، ومن نسب الزوجة وصفاتها

Terjemahan: Jika berlaku perselisihan antara kedua belah pihak tentang kadar mut'ah maka kadi yang menentukan kadar mut'ah itu mengikut ijtihadnya setelah melihat keadaan kedua belah pihak mengenai kemampuan suami dan keturunan serta sifat-sifat isteri.

(Shamsuddin Muhammad, 1994, ms. 249)

[52] Begitu juga dinyatakan oleh Ahmad al-Qalyubi dan Ahmad Umairah (1996):

فإن تنازعا قدرها القاضي بنظره أى إجهاده معتبرا حالهما أى يسار الزوج وإعساره ونسب
الزوجة وصفاتها

Terjemahan: Jika bertelingkah, Kadi akan menentukannya mengikut ijtihad dan pandangannya, dengan mengambil kira keadaan kedua-dua pihak, sama ada suami berada atau susah, serta keturunan dan sifat isteri.

(Ahmad al-Qalyubi dan Ahmad Umairah, 1996, ms. 290–292)

Kesimpulan Prinsip dan Panduan Penentuan

[53] Berdasarkan keseluruhan nas dan pandangan fuqaha di atas, Mahkamah merumuskan bahawa jika terdapat persetujuan bersama mengenai jumlah mut'ah, maka itulah yang menjadi kewajipan untuk dibayar. Sebaliknya jika tiada persetujuan, maka Mahkamah hendaklah menetapkan kadarnya berdasarkan ijtihad yang mengambil kira faktor-faktor sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 58(2) EUUKINS (Pindaan) 2019 dan sumber hukum syarak.

[54] Antara faktor yang relevan dan perlu dipertimbangkan termasuklah:

- (a) Keperluan isteri untuk memulakan kehidupan baharu;
- (b) Taraf hidup dan kemampuan kewangan suami pada masa perceraian;
- (c) Kesulitan kewangan yang akan dihadapi oleh isteri;
- (d) Tempoh perkahwinan;
- (e) Pengorbanan isteri sepanjang perkahwinan;
- (f) Sifat dan akhlak isteri;
- (g) Latar keturunan dan kedudukan sosial isteri; dan
- (h) Jumlah nafkah terakhir yang diterima oleh isteri sebelum perceraian.

[55] Dalam kes ini, tiada jumlah mut'ah yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Oleh itu, Mahkamah perlu menilai tuntutan sebanyak RM101,000.00 yang dituntut oleh Plaintiff berdasarkan ijtihad hakim dengan mengambil kira lapan faktor yang disenaraikan berikut:

Keperluan Isteri Yang Dicercaikan Suami Untuk Memulakan Kehidupan Baharu Dan Kesulitan Kewangan Yang Bakal Dihadapi Oleh Isteri Yang Dicercaikan

[56] Plaintiff menegaskan bahawa sepanjang tempoh perkahwinan, Plaintiff telah menjalankan kewajipan sebagai seorang isteri dengan penuh tanggungjawab dan ketaatan terhadap Defendan, termasuk berkorban dari segi kerjaya dan kepentingan peribadi demi kebajikan keluarga. Salah satu pengorbanan besar yang dilakukan oleh Plaintiff ialah berhenti bekerja atas desakan Defendan, demi memberi tumpuan sepenuhnya kepada rumah tangga dan anak-anak.

[57] Plaintiff turut menghujahkan akibat daripada perceraian yang berlaku, Plaintiff telah mengalami tekanan emosi serta kehilangan kestabilan hidup. Plaintiff juga berdepan kesukaran untuk kembali ke dunia pekerjaan kerana faktor usia, jurang kerjaya yang panjang, serta tanggungjawab berterusan terhadap anak-anak. Situasi ini telah menjejaskan keyakinan diri dan peluang Plaintiff untuk berdikari dari sudut ekonomi. Penghujahan ini adalah selari dengan Penyata Keterangan Plaintiff di Soalan 28:

S: Bagaimana kehidupan Puan akibat perceraian yang berlaku?

J: Selepas perceraian kehidupan saya menjadi lebih susah dan tidak terurus. Saya tiada pendapatan yang stabil seperti sebelum ini tetapi masih menguruskan anak-anak saya secara sendirian. Selain itu, saya juga menghadapi tekanan emosi selain malu dan sukar untuk memulakan kehidupan yang baru. Saya terpaksa mula bekerja dan susah untuk tumpu kepada kerja kerana terpaksa menguruskan keseluruhan anak-anak tersebut.

[58] Kenyataan bahawa Plaintiff menguruskan anak secara bersendirian ini diperakui oleh saksi Plaintiff ketika saksi Plaintiff disoal balas bagi soalan 21 Penyata Keterangan Saksi Plaintiff pada 26.3.2024:

“Dua tahun Plaintiff hidup seorang dan tinggal dengan saya”

[59] Kenyataan bahawa Plaintiff tiada pendapatan yang stabil juga turut diperakui oleh Saksi Plaintiff ketika Saksi Plaintiff disoal balas bagi soalan 20 dan soalan 21 Penyata Keterangan Saksi Plaintiff pada 26.3.2024:

J: Tak setuju pendapatan insurans adalah banyak sebab based on commision

J: Ada client adalah

J: Ya, ejen insurans tetapi tidak berjalan dengan baik

[60] Sehubungan itu, Plaintiff memerlukan sokongan kewangan dan bantuan permulaan yang wajar bagi membolehkan Plaintiff memulakan semula kehidupan selepas perceraian dalam keadaan yang lebih stabil, terutamanya demi menjamin kelangsungan hidup dan kebajikan anak-anak yang masih di bawah tanggungan Plaintiff sepenuhnya.

Kesulitan Kewangan Yang Bakal Dihadapi Oleh Isteri Yang Dicercaikan

[61] Plaintiff juga berdepan dengan kesulitan kewangan yang serius berikutan ketiadaan pekerjaan yang tetap bersama pendapatan yang stabil serta kekangan masa kerana terpaksa membesarkan anak-anak secara bersendirian. Tambahan pula, komitmen harian seperti kos tempat tinggal, makanan, pendidikan anak-anak, rawatan perubatan, serta keperluan asas lain memerlukan perbelanjaan yang berterusan dan signifikan.

[62] Seterusnya, Plaintiff menghujahkan bahawa dalam keadaan Plaintiff yang tidak lagi berada di dalam pasaran pekerjaan aktif dan mengalami jurang kerjaya yang panjang, peluang untuk menjana semula pendapatan yang setara adalah sangat terhad. Penghujahan ini adalah selari dengan kenyataan Plaintiff di dalam Penyata Keterangan Plaintiff di Soalan 31:

S:Apakah kesan perkahwinan dan perceraian terhadap status kehidupan Puan?

J:Sebagai isteri, saya telah menjalankan kewajipan dan taat kepada Defendan termasuk berkorban pelbagai perkara dalam hidup terutamanya berhenti kerja demi Defendan dan keluarga. Justeru, perceraian yang berlaku dalam waktu saya tidak bekerja dan tiada sumber kewangan selain emosi yang tidak stabil sangat menjejaskan kehidupan saya. Saya tidak mempunyai keyakinan dan peluang kerja seperti sebelum ini kerana komitmen dan usia yang telah lanjut. Ini sangat merugikan saya.

- [63] Pernyataan di mana Plaintif menghadapi kesukaran selepas perceraian ini turut diperakui oleh Saksi Plaintif melalui Penyata Keterangan Saksi Plaintif di Soalan 21 seperti berikut:

S:Bagaimana keadaan kehidupan Plaintif selepas bercerai?

J:Plaintif tidak pernah merancang mahupun memikirkan tentang perceraian. Selepas Plaintif dan Defendan bercerai, saya melihat sendiri perubahan hidup Plaintif amat ketara di mana kehidupan Plaintif menjadi susah dan tidak terurus. Namun, Plaintif masih usaha sesuaikan diri dengan tiada pendapatan yang tetap dan pada masa yang sama banyak menguruskan anak-anaknya secara sendirian. Kadangkala saya juga turut membantu Plaintif dari segi kewangan dan menguruskan anak-anak tersebut mengikut kemampuan dan keadaan kesihatan saya kerana selepas bercerai Plaintif dan anak-anak tersebut ada tinggal di rumah saya sebelum Plaintif menyewa di rumah lain.

- [64] Maka, Plaintif menghujahkan keadaan ini meletakkan Plaintif dalam kedudukan kewangan yang amat terjejas dan berisiko tinggi untuk terus terhimpit dalam tekanan ekonomi pasca perceraian, sekiranya tiada bantuan atau sokongan yang sewajarnya diberikan. Oleh itu, keperluan untuk diberikan mut'ah sebagai pampasan selepas perkahwinan bersama Defendan adalah sangat munasabah dan wajar dipertimbangkan oleh Mahkamah.
- [65] Manakala di pihak Defendan, sepanjang prosiding tidak mengulas lanjut bagi kedua-dua faktor di atas.

Ulasan Mahkamah Keperluan Isteri Yang Diceraiakan Suami Untuk Memulakan Kehidupan Baharu Dan Kesulitan Kewangan Yang Bakal Dihadapi Oleh Isteri Yang Diceraiakan

- [66] Mahkamah telah meneliti hujahan kedua-dua pihak, termasuk penyata keterangan bertulis, keterangan saksi-saksi dan fakta yang tidak dipertikaikan. Berdasarkan penghujahan Plaintif dan sokongan saksi-saksinya, adalah terbukti bahawa selepas perceraian, Plaintif telah berdepan dengan perubahan besar dalam kehidupan dari segi ekonomi, psikologi dan sosial.
- [67] Antara faktor penting yang diakui oleh Mahkamah ialah keputusan Plaintif untuk berhenti kerja atas desakan Defendan ketika perkahwinan, demi memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengurusan rumah tangga dan anak-anak. Tindakan ini adalah satu bentuk pengorbanan peribadi yang besar, yang mengakibatkan Plaintif mengalami kehilangan kemerdekaan kewangan dan putus sambungan kerjaya dalam tempoh yang lama.
- [68] Selepas perceraian, Plaintif bukan sahaja perlu menanggung tekanan emosi, malah perlu menyesuaikan diri dalam keadaan tanpa pendapatan tetap serta kembali menyara kehidupan dirinya dan anak-anak secara bersendirian. Keterangan Plaintif yang menyatakan bahawa kehidupan beliau menjadi lebih susah dan tidak terurus selepas perceraian turut disokong oleh keterangan saksi Plaintif.
- [69] Mahkamah mendapati bahawa sumber pendapatan Plaintif selepas perceraian, iaitu sebagai ejen insurans, adalah tidak tetap dan tidak kukuh, berasaskan komisen serta bergantung kepada kehadiran pelanggan. Saksi Plaintif turut mengesahkan bahawa Plaintif pernah tinggal bersamanya selepas perceraian, dan dalam beberapa keadaan, bantuan kewangan turut diberikan kepada Plaintif bagi menampung keperluan asas anak-anak.

- [70] Defendan dalam keterangannya pula tidak mengemukakan apa-apa pembelaan yang menafikan keperluan Plaintiff untuk memulakan kehidupan baharu atau menolak hak mut'ah atas alasan Plaintiff mempunyai kestabilan kewangan. Bahkan, Defendan tidak memberikan sebarang cadangan alternatif terhadap kadar atau keperluan tuntutan tersebut, menjadikan keterangan Plaintiff tidak dicabar secara efektif.
- [71] Berdasarkan prinsip yang dinyatakan dalam Seksyen 58(2)(a) dan (c) EUUKINS (Pindaan) 2019, keperluan untuk memulakan kehidupan baharu serta kesulitan kewangan selepas perceraian adalah faktor penting yang mesti diambil kira dalam menentukan kadar mut'ah. Dalam hal ini, Mahkamah menilai bahawa keadaan Plaintiff adalah termasuk dalam kategori isteri yang memerlukan sokongan kewangan yang wajar dan adil sebagai permulaan baharu dalam kehidupan selepas perceraian.
- [72] Hukum syarak juga memberikan asas yang kuat dalam perkara ini. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 236:

Terjemahan: ...hendaklah kamu memberi mut'ah (saguhati) kepada mereka (yang dicerai) iaitu suami yang senang (hendaklah memberi saguhati) menurut ukuran kemampuannya dan suami yang susah menurut kemampuannya.

(Surah al-Baqarah, 2:236)

- [73] Dalam konteks ini, pemberian mut'ah bukan sekadar kewajipan material, tetapi juga satu bentuk pemulihan maruah dan kebajikan wanita yang dicerai, seperti dinyatakan dalam kes *Zainon bt. Doraman lwn Hj. Abdul Rahman Mahmuda* (2008) yang mengikuti pandangan Haji Harussani dalam kes *Norbee lwn Ahmad Sanusi* (1981), bahawa:

“Mut'ah bertujuan menutup rasa malu yang dialami oleh isterinya bagi menghindarkan fitnah dan sebagai asas untuk memulakan kehidupan baru secara persendirian”.

- [74] Justeru, Mahkamah berpendapat bahawa keperluan Plaintiff untuk memulakan kehidupan baharu dan risiko kesulitan kewangan selepas perceraian adalah nyata dan signifikan. Maka, faktor ini menyokong justifikasi pemberian mut'ah dalam jumlah yang munasabah, demi menjamin hak, kebajikan dan kelangsungan hidup Plaintiff pasca perceraian.
- [75] Berdasarkan dapatan ini, Mahkamah menilai bahawa pemberian mut'ah yang setara dengan skor sederhana (50%) adalah wajar dipertimbangkan. Penetapan skor ini dibuat dengan mengambil kira anggaran pendapatan terakhir Defendan semasa perceraian, selaras dengan pendekatan yang mengimbang antara kemampuan suami dan keperluan bekas isteri.
- [76] Mahkamah seterusnya menumpukan kepada **faktor kedua** seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 58(2)(b), iaitu taraf hidup dan kedudukan kewangan Defendan pada masa perceraian, serta jumlah nafkah terakhir yang diterima oleh Plaintiff.

Taraf Kehidupan Dan Kedudukan Kewangan (Pendapatan) Suami Pada Masa Perceraian Serta Nafkah Terakhir Yang Diterima Plaintiff Dari Defendan Sebelum Perceraian

Taraf Hidup Dan Kedudukan Kewangan Suami Sewaktu Perceraian

Keterangan dan penghujahan Plaintiff

- [77] Berdasarkan kepada Pernyataan Tuntutan Pindaan Plaintiff, Plaintiff telah menuntut agar Mahkamah memerintahkan Defendan untuk membayar kepada Plaintiff mut'ah berjumlah RM101,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Satu Ribu Sahaja) secara tunai.

[78] Sandaran jumlah yang dituntut oleh Plaintiff tersebut berikutan Defendan bekerja sebagai Pensyarah di UiTM Shah Alam. Defendan mempunyai pendapatan yang tinggi pada setiap bulan. Setakat tarikh perceraian antara Plaintiff dan Defendan pada Februari 2018 jumlah pendapatan Defendan adalah RM7996.52 berdasarkan kepada Soalan 38 Penyata Keterangan Defendan.

S: Berapakah pendapatan bulanan Tuan setakat tarikh perceraian?

J: Pendapatan bulanan saya setakat tarikh perceraian iaitu pada Februari 2018 adalah RM7996.52.

[79] Fakta tersebut telah disokong oleh Saksi Plaintiff yang menyaksikan dan mengetahui bahawa Defendan mempunyai kemampuan untuk membayar tuntutan RM101,000.00 seperti yang dituntut oleh pihak Plaintiff. Perkara bahawa Defendan merupakan seorang pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi turut diperakui oleh Saksi Defendan ketika disoal balas pada 21.4.2025 seperti berikut:

S: Setuju semasa cerai Defendan merupakan Professor Madya?

J: Pensyarah kanan sahaja

S: Berapa Gaji Defendan pada masa itu Tuan?

J: Gaji sekitar 8K

[80] Selain itu, Plaintiff menghujahkan bahawa Defendan berkemampuan untuk membayar mut'ah seperti yang dituntut kerana Defendan juga mempunyai pendapatan sampingan sebagai konsultan selain mempunyai syarikat dan perniagaannya sendiri. Defendan turut mempunyai pelbagai jenis aset dan hartanah yang bernilai tinggi merangkumi harta-harta alih dan harta-harta tak alih serta sejumlah wang simpanan.

[81] Dalam kes *Nordhiah Jury v Ahmad Zulkiflee* (2018), Hakim Bicara telah melihat kepada kes-kes yang telah diputuskan untuk menentukan kadar mut'ah yang sesuai diberikan kepada isteri yang dicerai. Para hakim telah memberikan pandangannya dengan menetapkan sedikit tafsiran penjelasan iaitu:

- i. Keadaan kemampuan suami semasa bercerai untuk membayar Mut'ah;*
- ii. Sifat isteri atau perwatakan isteri, kedudukan taraf; dan*
- iii. Nasab isteri atau keadaan isteri dari sudut kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat.*

(Rujukan Ikatan Autoriti Plaintiff "SSNM-12")

[82] Plaintiff menegaskan keterangan di atas adalah jelas membuktikan bahawa Defendan amat berkemampuan dari segi kewangan untuk membayar mut'ah kepada Plaintiff.

Nafkah Terakhir Yang Diterima Plaintiff Dari Defendan Sebelum Perceraian

[83] Sepanjang tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan, Defendan telah gagal menyediakan nafkah dan keperluan rumah tangga dengan mencukupi kepada Plaintiff. Akibat daripada kegagalan tersebut, Plaintiff terpaksa menggunakan wang simpanan serta pendapatan sendiri bagi menampung segala keperluan harian keluarga, termasuk perbelanjaan asas dan keperluan anak-anak.

[84] Plaintiff turut menyatakan bahawa tindakan beliau menggunakan wang simpanan dan pendapatannya adalah disebabkan keyakinan beliau bahawa Defendan tidak akan mengambil sebarang inisiatif untuk menyelesaikan isu kekurangan nafkah tersebut. Perkara ini telah dijelaskan oleh Plaintiff melalui Penyata Keterangan Plaintiff di Soalan 16:

S: Jika nafkah tidak disediakan secukupnya, mengapa Puan ambil keputusan menggunakan duit hasil pekerjaan dan simpanan sendiri?

J: Kerana saya tahu Defendan tidak akan menyelesaikan masalah akibat kekurangan jumlah nafkah tersebut dan sebagai penyelesaian masalah, saya terpaksa menggunakan duit hasil kerja dan simpanan saya.

[85] Nafkah terakhir yang diberikan oleh Defendan kepada Plaintif adalah sebanyak **RM1,500**, iaitu hasil daripada wang sewaan rumah. Selepas pembayaran tersebut, tiada lagi sebarang pemberian nafkah dibuat oleh Defendan kepada Plaintif sehingga berlakunya perceraian.

Keterangan dan Penghujahan Defendan

[86] Defendan dalam keterangannya menyatakan bahawa pekerjaan Defendan adalah sebagai Pensyarah di UiTM Shah Alam dengan pendapatan bulanan setakat tarikh perceraian pada Februari 2018 adalah berjumlah RM 7,996.52.

[87] Defendan menyatakan bahawa Defendan tiada pendapatan sampingan lain melainkan pendapatan sebagai pensyarah sahaja. Bahkan harta tak alih iaitu sebuah rumah telah pun dituntut oleh Plaintif dalam kes harta sepencarian. Oleh itu, perolehan aset ini tidak boleh diambil kira untuk dijadikan asas dalam tuntutan mut'ah kerana akan menyebabkan 'double jeopardy' ke atas Defendan.

[88] Bahkan tuntutan taraf kehidupan dengan mengambil kira ukuran keluarga Defendan sebagai sandaran kemampuan Defendan juga bertentangan dengan prinsip penetapan kadar mut'ah. Hal ini adalah kerana kemampuan Defendan hendaklah dinilai berdasarkan pendapatan Defendan setakat tarikh perceraian sahaja tidak melebihi RM8000.00.

Ulasan Mahkamah Terhadap Taraf Kehidupan Dan Kedudukan Kewangan Suami Pada Masa Perceraian Serta Nafkah Terakhir Yang Diterima Plaintif Dari Defendan Sebelum Perceraian

[89] Mahkamah telah meneliti dakwaan Plaintif bahawa Defendan berkemampuan berdasarkan jawatannya sebagai Pensyarah Kanan di UiTM Shah Alam, dengan pendapatan bulanan sekitar RM7,996.52, seperti yang dinyatakan sendiri oleh Defendan dalam Penyata Keterangan dan semasa perbicaraan.

[90] Meskipun tiada dokumen rasmi seperti penyata gaji dikemukakan oleh Plaintif, pengakuan Defendan sendiri dalam keterangan lisan di Mahkamah bahawa beliau berpendapatan hampir RM8,000.00 sebulan pada Februari 2018 adalah satu fakta yang tidak dipertikaikan. Tambahan pula, Defendan mengakui bahawa nafkah terakhir yang diberikan kepada Plaintif adalah sebanyak RM1,500.00, hasil daripada wang sewaan rumah.

[91] Selanjutnya, mengenai dakwaan Plaintif wujudnya pendapatan sampingan, syarikat atau harta-harta lain yang dimiliki oleh Defendan gagal disokong dengan bukti dokumen yang konkrit dan juga tiada sebarang pengakuan dari Defendan. Justeru, bagi menentukan kemampuan kewangan suami bagi tujuan penetapan kadar mut'ah, Mahkamah berpandukan prinsip penilaian berdasarkan pendapatan semasa perceraian, sebagaimana ditegaskan dalam kes *Faridah binti Sulaiman lwn Mohd Noh bin Othman* (2005) dan disokong oleh keputusan dalam *Suraiya bt M. Shafie lwn Abd Shukor bin Mohd Hashim* (2009) yang menolak pengiraan berdasarkan aset atau harta terkumpul.

[92] Defendan juga menegaskan bahawa harta tak alih yang dimilikinya telah pun dituntut di bawah kes harta sepencarian, dan oleh itu tidak wajar dimasukkan semula dalam penilaian kadar mut'ah agar tidak berlaku "double jeopardy." Mahkamah menerima hujahan ini dan bersetuju bahawa penilaian mut'ah perlu berasingan daripada tuntutan harta sepencarian, dan harus berpandukan pendapatan semasa perceraian sahaja.

- [93] Berdasarkan tarikh perceraian yang berlaku pada 22 Februari 2018, serta pendapatan Defendan sekitar RM7,996.52, hemat Mahkamah bahawa Defendan mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan berkemampuan pada masa itu. Jumlah nafkah terakhir yang diberikan juga mencerminkan keupayaan asas Defendan dalam menyara isteri, meskipun hanya sekali beri. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat bahawa faktor taraf hidup dan kemampuan kewangan Defendan pada masa perceraian menyokong penetapan kadar mut'ah dalam kategori tinggi.
- [94] Maka, skor kewajaran bagi faktor kedua ini ditetapkan pada tahap tinggi (100%), selaras dengan pendapatan semasa Defendan ketika perceraian. Ini bermakna, dalam menilai amaun mut'ah, Mahkamah akan mengambil kira bahawa kemampuan kewangan Defendan adalah kukuh dan munasabah untuk membayar jumlah yang setimpal dengan keadaan serta pengorbanan Plaintiff dalam perkahwinan tersebut.
- [95] Seterusnya, Mahkamah memberi pertimbangan kepada faktor yang tidak kurang pentingnya, iaitu **tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Defendan**, yang secara langsung memberi kesan kepada kadar mut'ah yang wajar ditetapkan berdasarkan kestabilan, pengorbanan dan jangka hubungan perkahwinan itu sendiri.

Tempoh Perkahwinan Pihak-Pihak

- [96] Fakta yang tidak dipertikaikan bahawa Plaintiff dan Defendan telah menjalani kehidupan berumahtangga selama 10 tahun. Pihak-pihak telah bernikah pada 28.6.2008 di Negeri Sembilan dan telah bercerai pada 20.2.2018 dengan talaq satu.
- [97] Plaintiff menghujahkan bahawa tempoh perkahwinan tersebut adalah suatu tempoh yang panjang, sepanjang tempoh berkenaan Plaintiff telah memberikan pelbagai bentuk pengorbanan dan sumbangan demi kelangsungan rumahtangga dan dalam masa yang sama juga mengurus kebajikan suami dan anak-anak.
- [98] Dalam kes *Mohd Zahrul Farhan bin Hamzah lwn Norfarhana binti Samsudin*, Yang Arif Hakim Bicara telah memutuskan bahawa kadar mut'ah sebanyak RM20,310.00 adalah munasabah dan tidak terkhilaf, walaupun tempoh perkahwinan antara pihak-pihak hanya berlangsung selama 67 hari. Keputusan ini dibuat setelah Mahkamah meneliti sumbangan yang telah diberikan oleh Plaintiff sepanjang tempoh perkahwinan tersebut, serta mengambil kira faktor-faktor relevan seperti maruah, pengorbanan, dan kesan emosi terhadap Plaintiff (Rujuk Ikatan Autoriti Plaintiff "SSNM-9").
- [99] Seperti di dalam kes *Ida Hidayati bt Taufiq lwn Ahmad Shukri bin Kassim* (2004), YA Tuan Hakim Dato' Hj. Zohdi bin Hj. Toha di dalam alasan penghakimannya mengatakan:

Sekalipun tidak ada nas atau dalil yang menunjukkan bayaran mut'ah boleh dibayar berpandukan tempoh lama perkahwinan berkuatkuasa. Saya berpendapat adalah wajar menjadi satu ukuran untuk mempertimbangkan kadar bayaran mut'ah adalah mengikut lama tempoh perkahwinan disamping melihat kemampuan suami dan taraf kedudukan isteri.

(Rujuk Ikatan Autoriti Plaintiff "SSNM-10")

- [100] Justeru, Plaintiff menghujahkan bahawa adalah munasabah untuk menyimpulkan bahawa perkahwinan yang berlangsung selama 10 tahun antara Plaintiff dan Defendan, wajar diberikan pertimbangan mut'ah yang lebih tinggi. Hal ini disebabkan oleh jangka masa yang lebih panjang yang tentunya melibatkan pengorbanan, sumbangan, dan komitmen yang lebih besar daripada pihak Plaintiff, selain maruah, kesan emosi dan beban kehidupan yang perlu ditanggung selepas perceraian.

Ulasan Mahkamah Terhadap Tempoh Perkahwinan Pihak-Pihak

- [101] Tempoh perkahwinan merupakan salah satu faktor yang relevan dalam penilaian kadar mut'ah sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 58(2)(d) EUUKINS (Pindaan) 2019. Walaupun tiada nas atau kaedah khusus dalam literatur fiqh klasik yang meletakkan tempoh perkahwinan sebagai asas

kadar mut'ah secara eksplisit, Mahkamah Syariah di Malaysia secara konsisten menjadikan elemen ini sebagai antara pertimbangan yang wajar dalam menentukan keadilan kepada pihak isteri.

- [102] Merujuk kepada kes *Ida Hidayati binti Taufiq lwn Ahmad Shukri bin Kassim* (2004), Mahkamah mempertimbangkan tempoh perkahwinan sebagai salah satu asas penilaian kadar mut'ah, walaupun tiada formula pengiraan yang dinyatakan secara spesifik. Hakikat ini menunjukkan bahawa tempoh hidup bersama suami isteri memberi kesan terhadap beban emosi, pengorbanan tenaga dan sumbangan berpanjangan oleh isteri dalam mengekalkan institusi perkahwinan.
- [103] Dalam kes ini, berdasarkan dokumen rasmi dan pengakuan pihak-pihak, tempoh perkahwinan Plaintiff dan Defendan adalah selama 10 tahun, bermula dari 26 Jun 2008 sehingga perceraian pada 20 Februari 2018. Tempoh ini adalah signifikan dan bukan satu jangka yang singkat. Ia memberi gambaran bahawa Plaintiff telah menempuh perjalanan perkahwinan yang panjang bersama Defendan, termasuk menghadapi suka dan duka, serta memikul tanggungjawab besar dalam mengurus rumah tangga dan kebajikan anak-anak.
- [104] Berdasarkan klasifikasi yang dibangunkan sebagai panduan penilaian objektif, tempoh perkahwinan dibahagikan seperti berikut:

Jadual 1. Klasifikasi Tempoh Perkahwinan bagi Tujuan Penilaian Kadar Mut'ah. Sumber: Analisis Mahkamah berdasarkan kes-kes terdahulu

Bil	Tempoh Perkahwinan	Kategori	Skor Peratusan
1.	0-5 tahun	Pendek	25%
2.	6-10 tahun	Sederhana Pendek	50%
3.	11-15 tahun	Sederhana Panjang	75%
4.	16 tahun ke atas	Panjang	100%

- [105] Jadual di atas tidak bertujuan mewujudkan suatu formula yang mengikat, sebaliknya berfungsi sebagai panduan bagi memastikan pertimbangan Mahkamah dibuat secara konsisten, objektif dan seimbang berdasarkan fakta kes. Berdasarkan Jadual tersebut, tempoh perkahwinan selama 10 tahun antara Plaintiff dan Defendan secara jelas berada dalam kategori sederhana pendek, dan oleh itu layak diberikan skor 50% bagi penilaian kadar mut'ah.
- [106] Mahkamah juga ingin menegaskan bahawa asas pemberian mut'ah adalah bertujuan untuk meringankan beban emosi dan ekonomi isteri yang diceraikan, bukan sebagai pampasan atau ganti rugi terhadap kegagalan rumah tangga atau hukuman kepada suami. Dalam konteks ini, tempoh perkahwinan yang panjang adalah indikator kepada intensiti dan jangka masa sumbangan isteri yang sewajarnya diberi perhatian.
- [107] Walaupun Plaintiff menuntut mut'ah sebanyak RM101,000.00, Mahkamah mendapati bahawa tuntutan tersebut tidak disokong oleh bukti dokumen yang menyeluruh, terutamanya berkaitan sumbangan atau kerugian khusus yang dialami dalam tempoh perkahwinan. Maka, tempoh perkahwinan hanya boleh dijadikan salah satu komponen justifikasi, dan bukan satu-satunya asas untuk mengenakan kadar tuntutan yang tinggi.
- [108] Sehubungan itu, Mahkamah memutuskan bahawa faktor tempoh perkahwinan wajar diberikan skor sederhana sebanyak 50%, yang akan digabungkan dengan faktor-faktor lain seperti kemampuan kewangan Defendan, keperluan isteri selepas perceraian dan keadaan emosi serta sosial yang ditanggung oleh Plaintiff. Dengan itu, jumlah mut'ah yang akhirnya ditetapkan akan mengambil kira keseluruhan elemen secara adil dan seimbang, selaras dengan kehendak syarak dan prinsip keadilan.

[109] Mahkamah seterusnya meneliti faktor keempat sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 58(2)(e),(f),(g) EUUKINS (Pindaan) 2019, serta dihuraikan dalam pandangan para fuqaha, iaitu berkenaan pengorbanan yang telah diberikan oleh isteri sepanjang tempoh perkahwinan, termasuklah aspek peribadi seperti sifat, sikap dan latar keturunannya. Pertimbangan ini penting bagi menilai sejauh mana faktor tersebut memberi kesan terhadap kewajaran jumlah mut'ah yang dituntut oleh Plaintiff.

Pengorbanan Yang Telah Diberikan Oleh Isteri Yang Dicercaikan Sepanjang Tempoh Perkahwinan Pihak-Pihak, Sikap Dan Sifat Isteri Serta Keturunan Isteri

Keterangan dan penghujahan Plaintiff

[110] Plaintiff menghujahkan bahawa tuntutan mut'ah sebanyak RM101,000.00 adalah wajar, mengambil kira pengorbanan besar yang telah diberikan sepanjang tempoh perkahwinan, baik sebagai isteri mahupun ibu kepada tiga orang anak hasil perkahwinan dengan Defendan.

[111] Plaintiff mendakwa sepanjang tempoh perkahwinan, telah menjalankan tanggungjawab sebagai isteri yang taat, menyokong Defendan dalam pelbagai aspek, serta menjaga nama baik dan maruah suami. Plaintiff turut menyatakan bahawa beliau telah memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung terhadap kestabilan rumahtangga.

[112] Plaintiff menekankan bahawa tujuan pemberian mut'ah adalah untuk meringankan beban emosi dan kewangan yang ditanggung oleh isteri selepas perceraian, serta sebagai manifestasi belas ihsan suami terhadap bekas isteri.

[113] Plaintiff juga menghuraikan pelbagai bentuk pengorbanan yang telah dilakukan sepanjang perkahwinan, termasuk menemani Defendan menyambung pengajian ke Aberdeen, Scotland, bekerja sebagai kakitangan jualan di sana bagi membantu menampung perbelanjaan harian akibat ketidakcukupan wang biasiswa.

[114] Keterangan ini disokong melalui Penyata Keterangan Plaintiff dan pengakuan Defendan yang menyatakan:

“Betul, dengan Plaintiff bekerja dapat bantu perbelanjaan saya dan Plaintiff”.

(Soalan 16, Penyata Keterangan Defendan, 4/11/2024)

[115] Plaintiff mendakwa telah membiayai sepenuhnya keperluan asas keluarga termasuk makanan, pakaian, dan kelengkapan anak-anak menggunakan pendapatan sendiri, sebagaimana dibuktikan dalam Dokumen Mut'ah (P-4, hlm. 7-43).

[116] Kelahiran ketiga-tiga anak pasangan ini dianggap oleh Plaintiff sebagai bentuk pengorbanan besar, termasuk pengalaman kehamilan yang sukar dan kelahiran pramatang, khususnya anak pertama dan kedua. Plaintiff mendakwa Defendan gagal memberikan sokongan emosi dan kewangan dalam tempoh kritikal tersebut.

[117] Kenyataan ini disokong oleh Saksi Plaintiff yang menyatakan:

“Kos kelahiran ditanggung oleh Plaintiff sahaja”.

“Tak setuju Defendan ada usaha jaga kebajikan tiga orang anak ini”.

(Soalan 16, Penyata Keterangan Saksi Plaintiff, 17/1/2024)

[118] Plaintiff juga mendakwa terpaksa menggunakan simpanan peribadi di ASB dan Tabung Haji berjumlah RM35,000 untuk menyara keperluan bayi dan rawatan semasa kelahiran, walaupun Defendan telah mempunyai pekerjaan tetap sebagai pensyarah.

- [119] Setelah kelahiran anak pertama, Plaintiff tidak dapat kembali bekerja selama setahun atas faktor kesihatan anak. Dalam tempoh itu, Defendan dikatakan kembali ke Scotland dan meninggalkan Plaintiff serta anak tanpa sebarang peruntukan nafkah.
- [120] Semua urusan perubatan, penjagaan anak yang menghidap eczema, dan keperluan harian ditanggung sendiri oleh Plaintiff sebagaimana dibuktikan melalui dokumen P-5 (hlm. 44–56) dan Soalan 22 Penyata Keterangan Plaintiff.
- [121] Plaintiff turut menyatakan bahawa beliau terpaksa berhenti kerja atas tekanan daripada Defendan, sekali gus menjejaskan masa depan kerjayanya. Dalam kenyataannya:

“Saya terpaksa meninggalkan jaminan pendapatan bulanan yang lumayan... kerana desakan Defendan yang mengatakan saya terlalu sibuk bekerja”.

(Soalan 19, Penyata Keterangan Plaintiff)

- [122] Plaintiff juga menjelaskan bahawa beliau adalah lulusan luar negara dan berpotensi membina kerjaya yang baik. Namun, semua impian itu terpaksa diletakkan demi keluarga. Saksi turut menyatakan:

“Plaintif ada cita-cita... Plaintiff tak ada opportunity nak kembang career”.

(Soalan balas, 26.3.2024)

- [123] Pengorbanan kerjaya dan kestabilan kewangan itu dikatakan tidak dihargai Defendan, yang terus mengejar pengajian dan kerjaya tanpa gangguan, malah menurut Plaintiff, gagal menjalankan peranan sebagai suami dan bapa (Rujuk Soalan 25, Penyata Keterangan Plaintiff).
- [124] Plaintiff turut menghujahkan bahawa tekanan emosi yang dialami akibat pengabaian Defendan telah mengakibatkan keguguran. Beliau mendakwa Defendan sering mengabaikan tanggungjawab ketika isteri sedang hamil atau memerlukan rawatan.
- [125] Tambahan pula, Plaintiff mendakwa bahawa sebelum perceraian, Defendan telah menjalin hubungan tidak bermoral melalui aplikasi sosial dan berurusan dengan wanita tidak bermaruah (Dokumen P-6, hlm. 57–69).
- [126] Plaintiff menegaskan bahawa segala bentuk pengorbanan yang diberikan dari aspek fizikal, emosi, kewangan dan sosial, harus diberi pertimbangan sewajarnya oleh Mahkamah dalam menentukan jumlah mut’ah yang adil dan berpatutan, memandangkan kegagalan Defendan melaksanakan peranan suami sewajarnya sepanjang perkahwinan.

Keterangan dan penghujahan Defendan

- [127] Defendan dalam keterangannya menyatakan bahawa Plaintiff telah melakukan beberapa perbuatan yang, menurut pandangan hukum syarak, boleh dikategorikan sebagai nusyuz. Menurut Defendan, terdapat beberapa insiden di mana sewaktu berlaku pertengkaran, Plaintiff akan bertindak memukul Defendan, dan dalam keadaan marah, Plaintiff juga didakwa keluar dari rumah tanpa kebenaran, malah pernah bermalam di rumah ibunya selama dua hingga tiga hari tanpa memohon izin daripada Defendan sebagai suami pada waktu itu.
- [128] Berhubung status sosial dan latar belakang Plaintiff, Defendan berhujah bahawa kenyataan Plaintiff dalam Penyata Tuntutan Pindaan yang menggambarkan taraf pendidikan dan kehidupan sosial yang tinggi adalah tidak selari dengan keterangan lisan beliau sendiri. Ketika sesi soal balas pada 30 Januari 2023 dan 24 Oktober 2023 oleh peguam syarie Defendan, Plaintiff menyatakan bahawa beliau bukan tergolong dalam kalangan profesional, bukan orang terkenal, serta tidak mempunyai nama atau kedudukan dalam masyarakat, sebaliknya hanya merupakan orang kebanyakan.

[129] Defendan juga menegaskan bahawa meskipun Plaintiff memiliki kelulusan Ijazah Sarjana dari luar negara, ia tidak secara automatik melambangkan taraf sosial atau kedudukan istimewa dalam masyarakat. Defendan turut berhujah bahawa perceraian yang berlaku tidak membawa kepada situasi di mana Plaintiff dipandang rendah atau dihina oleh masyarakat, bahkan menurut Defendan, rakan-rakan Plaintiff sendiri tidak menunjukkan sebarang reaksi negatif atau pandangan serong terhadap beliau selepas perceraian.

Ulasan Mahkamah Terhadap Pengorbanan yang telah Diberikan oleh Isteri Yang Diceraiakan Sepanjang Tempoh Perkahwinan Pihak-Pihak, Sikap dan Sifat Isteri serta Keturunan Isteri

[130] Mahkamah mengambil maklum bahawa faktor keempat ini adalah antara pertimbangan penting sebagaimana yang diperuntukkan secara jelas dalam Seksyen 58(2)(e),(f),(g) EUUKINS (Pindaan) 2019, iaitu pengorbanan yang telah diberikan oleh isteri sepanjang tempoh perkahwinan, termasuk sifat, sikap dan keturunannya.

[131] Setelah meneliti keseluruhan keterangan kedua-dua pihak, Mahkamah mendapati bahawa Defendan telah gagal membuktikan secara meyakinkan dakwaannya bahawa Plaintiff adalah seorang isteri yang nusyuz atau telah berkelakuan buruk. Dakwaan tersebut tidak disokong dengan bukti dokumen mahupun saksi, dan oleh itu, Mahkamah menolak hujahan tersebut sebagai tidak berasas.

[132] Sebaliknya, Plaintiff telah berjaya mengemukakan keterangan yang kukuh dan konsisten, disokong oleh dokumen dan saksi, berkenaan bentuk-bentuk **pengorbanan** yang telah dilakukan sepanjang tempoh perkahwinan. Antaranya termasuk:

- i. Mengorbankan kerjaya dan pendapatan tetap demi menyokong Defendan menyambung pengajian ke luar negara;
- ii. Bekerja sendiri di luar negara bagi menampung perbelanjaan keluarga akibat ketidakcukupan biasiswa Defendan;
- iii. Menanggung sepenuhnya kos perubatan anak-anak, termasuk kelahiran pramatang dan rawatan susulan;
- iv. Menguruskan rumah tangga dan anak-anak tanpa bantuan Defendan, termasuk dalam keadaan emosi dan fizikal yang menekan;
- v. Mengalami tekanan hingga keguguran, tanpa sokongan moral atau kewangan daripada Defendan.

[133] Pengorbanan ini dibuktikan melalui dokumen sokongan dan keterangan saksi yang tidak berjaya disanggah oleh pihak Defendan. Malah, Defendan sendiri mengakui dalam keterangannya bahawa Plaintiff telah membantu dari segi kewangan semasa berada di luar negara.

[134] Dari sudut **keturunan**, Mahkamah mengambil maklum bahawa Plaintiff bukanlah daripada keturunan bangsawan, orang ternama atau berstatus tinggi dalam masyarakat. Sebaliknya, beliau adalah dari kalangan orang kebanyakan, sebagaimana yang diakui sendiri oleh Plaintiff ketika sesi soal balas. Oleh itu, faktor keturunan ini tidak menambah keistimewaan atau merit khusus dalam penilaian mut'ah, dan Mahkamah menilainya dalam julat pertimbangan sederhana.

[135] Berdasarkan keseluruhan dapatan, Mahkamah berpendapat bahawa pengorbanan Plaintiff adalah nyata dan signifikan, namun faktor keturunan yang biasa-biasa ini menjadikan penilaian bagi faktor keempat ini secara keseluruhan berada pada tahap skor sederhana tinggi (75%).

Rumusan dan Justifikasi Penentuan Kadar Mut'ah

Pertimbangan dan Ringkasan Kiraan Mahkamah

[136] Mahkamah mengambil maklum bahawa terdapat pelbagai formula dalam pengiraan kadar mut'ah, antaranya berdasarkan nilai emas, perak, nafkah terakhir, mahar mithil, dan termasuk pendapatan terakhir. Namun, bagi kes ini, faktor-faktor yang telah dikupas sebelum ini menjadi asas utama dalam pertimbangan Mahkamah. Faktor-faktor tersebut meliputi keperluan isteri yang

diceraikan untuk memulakan kehidupan baharu, kesulitan kewangan yang mungkin dihadapi oleh isteri, taraf kehidupan, kedudukan kewangan (pendapatan) suami pada masa perceraian, nafkah terakhir yang diterima oleh plaintif sebelum perceraian, tempoh perkahwinan pihak-pihak, pengorbanan isteri sepanjang perkahwinan, sikap dan sifat isteri, serta faktor keturunan isteri.

- [137] Dalam menentukan jumlah mut'ah yang sesuai, Mahkamah telah merujuk kepada beberapa kes terdahulu sebagai panduan. Antaranya adalah kes *Norizam bt. Mohd Lazim lwn Halim Azman Hji Sulaiman* (1995) yang diputuskan oleh Qadhi Besar Kuala Lumpur pada tahun 1993. Dalam kes ini, jumlah mut'ah yang diluluskan adalah sebanyak RM2,400.00, walaupun pendapatan suami sebagai guru agama tentera hanya sekitar RM1,500.00 hingga RM1,600.00. Seterusnya, dalam kes *Siti Asiah bt. Abdul Aziz lwn Abdul Ghaffar bin Hashim* (1995), mut'ah sebanyak RM320.00 dianggap munasabah oleh Mahkamah Bicara atas alasan Perayu adalah tergolong dalam kategori miskin. Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan dalam kes ini turut menggariskan tiga kategori pembayaran mut'ah seperti berikut:

Jadual 2. Hubungan Antara Tahap Pendapatan Suami dan Kadar Mut'ah dalam Kes Terdahulu. Sumber: Disusun oleh Mahkamah berdasarkan panduan dan analisis daripada kes-kes terdahulu

Jenis	Pendapatan Suami	Mut'ah yang diberi
Miskin	Bawah RM500	RM 30 - RM 500
Sederhana	RM500 - RM1500	RM 500 - RM 1500
Kaya	Lebih RM1500	RM 2000 dan ke atas

- [138] Jadual 2 dikemukakan sebagai rujukan dan panduan umum berdasarkan amalan kehakiman terdahulu, dan tidak bertujuan menetapkan suatu kadar mut'ah yang bersifat tetap atau mengikat. Penentuan kadar mut'ah kekal tertakluk kepada budi bicara Mahkamah setelah menilai keseluruhan fakta dan keadaan khusus setiap kes. Panduan yang diperoleh daripada kedua-dua kes tersebut menunjukkan bahawa amaun mut'ah tidak semestinya terhad kepada jumlah pendapatan bulanan suami.

- [139] Seterusnya, dalam kes *Sapiee bin Muda lwn Adnan Hawa binti Mohammad* (2015), Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu mengesahkan prinsip dalam kes *Mohd Nasran bin Omar lwn Hasliana bt Mohd Sani* (2012). Dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan Syariah menggunakan pendekatan pengiraan berdasarkan pendapatan bulanan suami. Mahkamah menyatakan:

"Pertimbangan pertama dalam menentukan kadar mut'ah ialah kemampuan perayu. Oleh kerana tidak dibuktikan bahawa perayu mempunyai sumber pendapatan lain selain pendapatan tetap bulanan, maka pendapatan tersebut wajar dijadikan kayu pengukur. Pertimbangan seterusnya adalah keturunan isteri dan sifat-sifat isteri."

- [140] Mahkamah turut merujuk keputusan bertarikh 18.11.2020, yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor, YA Hakim Zulfikri Bin Yaso', dalam kes rayuan *Erna Halyanie Binti Za'abar lwn Mohd Redza Bin Mahmud* (2020), pendekatan pengiraan berdasarkan pendapatan bulanan juga digunapakai.

- [141] Selain itu, mahkamah juga merujuk keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan, dalam kes mut'ah terdahulu seperti kes *Rosnah Binti Othman lwn Fahmimahzan Bin Mat Derus* (Kes Mal No: 05200-016-0447-2020) bertarikh 23.1.2025. Begitu juga beberapa keputusan kes mut'ah yang lain iaitu *Rusniza Binti Zainal lwn Razim Shah Bin Muhammad Amrudin* (Kes Mal No: 05100-0572-2019) dan *Nor Rosnita Binti Che Ri lwn Hasnul Ali Bin Muhamed Mustaffa* (Kes Mal No: 05200-016-0346-2014). Justeru, dalam kes ini, pendekatan serupa turut diterapkan, pengiraan kadar mut'ah mengambil kira pendapatan bulanan terakhir pihak Defendan sebagai asas pertimbangan.

[142] Satu panduan penting yang diperoleh daripada kes-kes tersebut adalah amaun mut'ah biasanya dikira berdasarkan pendapatan kasar bulanan suami, bukan pendapatan bersih setelah ditolak perbelanjaan.

[143] Oleh itu, dalam kes di hadapan Mahkamah ini, pendekatan yang sama akan digunapakai, iaitu pendapatan bulanan suami sewaktu perceraian iaitu RM7,992.00 menjadi asas penetapan amaun mut'ah, diikuti dengan pertimbangan faktor-faktor lain seperti tempoh perkahwinan, taraf kehidupan isteri, serta elemen keturunan. Ringkasan kiraan kadar mut'ah dalam kes ini adalah seperti berikut:

Jadual 3. Pertimbangan Mahkamah dalam Penetapan Kadar Mut'ah. Sumber: Penilaian Mahkamah berdasarkan fakta dan keterangan kes

Bil.	Faktor-faktor Pertimbangan	Peratusan kepada Pendapatan bulanan Defendan	Jumlah (RM)
1.	Keperluan dan cabaran kewangan plaintif selepas perceraian	Sederhana (50%)	3,996.00
2.	Kemampuan dari segi kaya atau miskinnya (pendapatan terakhir Defendan semasa perceraian)	Tinggi (100%)	7,992.00
3.	Keadaan atau kedudukan keluarga Plaintif; dan Pengorbanan, sifat atau perwatakan Plaintif	Sederhana Tinggi (75%)	5994.00
4.	Lama tempoh perkahwinan (10 tahun)	Sederhana (50%)	3,996.00
Jumlah Keseluruhan			RM 21,978.00

[144] Mahkamah berpendapat bahawa kadar mut'ah sebanyak RM 21,978.00 kepada Plaintif adalah suatu jumlah yang munasabah dan wajar. Jumlah ini selari dengan kemampuan Defendan untuk membayarnya.

[145] Mahkamah terlebih dahulu merakamkan penghargaan kepada kedua-dua pihak peguam yang bijaksana atas budi bicara, ketekunan dan profesionalisme mereka sepanjang prosiding ini berlangsung. Plaintif pada awalnya diwakili oleh **Tuan Mohd Fakhrurrazi Bin Mohd Hanapi** daripada Tetuan Fakhrurrazi & Associates sebelum menarik diri, dan kemudiannya diwakili oleh **Puan Nur Farhana Binti Nijar** daripada Tetuan Nur Muim Farhana & Associates. Manakala Defendan diwakili oleh **Tuan Saddam Khairat Bin Sahiran** daripada Tetuan Ahmad Saddam & Associates. Mahkamah menghargai segala kerjasama penuh dan penghujahan yang telah dikemukakan oleh para peguam, yang banyak membantu Mahkamah dalam membuat pertimbangan dan keputusan yang saksama dalam kes ini.

Keputusan

[146] Mahkamah meluluskan tuntutan mut'ah Plaintif berdasarkan seksyen 58 EUUKINS 2003;

[147] Mahkamah memerintahkan Defendan membayar mut'ah kepada Plaintif sebanyak RM 21,978.00;

[148] Mahkamah dengan ini memerintahkan Defendan untuk membayar mut'ah kepada Plaintif secara ansuran teratur seperti berikut:

- i. Bayaran pertama sebanyak RM5,978.00 hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh perintah ini, iaitu sebelum atau selewat-lewatnya pada 23 September 2025.
- ii. Baki mut'ah sebanyak RM16,000.00 hendaklah dibayar secara ansuran bulanan selama tiga puluh enam (36) bulan seperti berikut:
 - a. Ansuran bulan ke-1 hingga bulan ke-35: Sebanyak RM444.00 sebulan;
 - b. Ansuran bulan ke-36 (bulan terakhir): Sebanyak RM460.00.

- c. Ansuran pertama hendaklah bermula pada bulan Oktober 2025, dan diteruskan tanpa gagal pada setiap bulan berikutnya sehingga jumlah keseluruhan selesai dibayar sepenuhnya.

[149] Kesemua bayaran ansuran mut'ah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Plaintiff seperti berikut:

- i. Nama bank: Maybank
- ii. Nombor akaun: xxxxxxxxx

[150] Bayaran bulanan hendaklah dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada setiap 5 hari bulan bagi bulan berkenaan, tanpa perlu diberi sebarang notis atau peringatan lanjut daripada pihak Plaintiff.

[151] Kegagalan mematuhi perintah ini boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil menurut bidang kuasa Mahkamah.

[152] Kos ditanggung oleh masing-masing pihak.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **YA Dr. Ruzita binti Ramli**, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh Keputusan

23 Jun 2025

Peguam Syarie

Plaintif di dalam kes ini pada awalnya diwakili oleh Tuan Mohd Fakhurrazi bin Mohd Hanapi dari *Tetuan Fakhurrazi & Associates*, kemudiannya telah menarik diri dan diwakili pula oleh Puan Nur Farhana binti Nijar dari *Tetuan Nur Muim Farhana & Associates*. Manakala Defendan diwakli oleh Tuan Saddam Khairat bin Sahiran dari *Tetuan Ahmad Saddam & Associates*.